BAB 2

Sorotan Kajian dan Penulis yang Berkaitan

Pendahuluan

Dalam bab ini pengkaji akan membincangkan hasil sorotan dan pembacaan terhadap kajian penulisan yang berkaitan dengan kepentingan dan penggunaan buku teks SPBT dalam pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Beberapa penyelidik telah mengemukakan dapatan dan saranan mereka tentang peranan,kepentingan dan penggunaan buku teks. Selain itu pendapat dan pandangan pakar – pakar pendidikan juga akan dibincangkan dalam bab ini. Pengkaji akan membincangkan beberapa tajuk iaitu kepentingan dan penggunaan buku teks di sekolah, ciri-ciri buku teks di Malaysia dan buku teks Bahasa Arab Komunikasi (BAK) Tingkatan 1.

Kepentingan dan Penggunaan Buku Teks di Sekolah

Dalam mana – mana proses pengajaran dan pembelajaran hasil terakhir yang diharapkan adalah kejayaan pelajar. Lantaran itu pelbagai cara dan kaedah telah digunakan untuk memastikan hasil ini dicapai. Selain unsur – unsur kemanusiaan seperti karisma guru dan minat pelajar, suasana bilik, sukatan pelajaran, jumlah masa yang digunakan untuk belajar dan bahan bantu mengajar juga memainkan peranan yang penting.

Antara bahan bantu mengajar yang sering digunakan ialah dalam proses pengajaran dan pembelajaran ini termasuklah buku teks. Menurut catatan yang terdapat dalam The encyclopedia Americana Internasional edition(1994), "... The textbook is

frequently the most important teaching tool because it can determine not only what will be taught but also how it will be taught ..." (hlm 563). Pernyataan ini menunjukkan betapa pentingnya peranan yang dimainkan oleh buku teks sebagai bahan bantu mengajar. Buku teks bukan sahaja menjadi penentu utama tentang apa yang hendak diajar oleh seseorang guru tetapi juga bagaimana sesuatu ilmu hendak diajar.

Laporan yang hampir sama juga terdapat di dalam laporan kabinet Malaysia (1979) yang antara lain menyatakan bahawa"... Textbook form an important learning material for the pupil and important source for the pupil,and aid teachers in the teaching process ..."(hlm 21). Berdasarkan laporan ini,dapat dikatakan bahawa kepentingan buku teks dalam dunia pendidikan di Malaysia telah disedari semenjak tahun 70 – an lagi. Sebenarnya laporan ini dikeluarkan lanjutan daripada laporan keciciran(1973) yang mendapati bahawa punca utama kegagalan pelajar terutamanya di kawasan luar bandar, adalah disebabkan ketiadaan buku teks yang baik dan seragam.

Akibatnya lain sekolah lainlah bentuk pengajaran dan pemelajarannya.Apatah lagi bagi pelajar –, pelajar miskin yang tidak mampu membeli buku teks. Ketiadaan buku teks ini telah menyebabkan mereka tercicir dalam pemelajaran mereka. Sejajar dengan dapatan ini Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT) telah diwujudkan pada tahun 1975 bagi membantu pelajar – pelajar yang miskin mendapatkan bantuan buku teks.

Kedudukan buku teks dalam sistem pendidikan di negara Malaysia mungkin boleh digambarkan seperti rajah 1.



Rajah 1 : *Kedudukan BukuTteks dalam Sistem Pendidikan di Malaysia*

Setiap satu unsur dalam rajah 1 mempunyai kepentingannya yang tersendiri dan saling bertindak antara satu sama lain. Bagi mengurangkan jurang perbezaan konteks pemelajaran misalnya, kerajaan telah menetapkan kurikulum yang sama bagi semua sekolah – sekolah di malaysia melalui satu sukatan pelajaran yang diseragamkan. Biasanya, penulis buku teks akan menyesuaikan kehendak sukatan pelajaran dalam bentuk ilmu pengetahuan dan aktiviti yang sesuai dengan umur pelajar dan mengikut dasar – dasar yang telah ditetapkan. Berkaitan dengan ini Hamedi Mohd Adnan (2002) berpendapat bahawa,

> Penulis buku teks yang baik ialah mereka yang berkemampuan untuk menterjemahkan garis panduan yang ada ke dalam bentuk yang dapat difahami pembaca untuk mereka menyerapnya ke dalam diri masing – masing kerana dari situlah falsafah yang dicita – citakan itu mungkin tercapai (hlm 17)

Pendek kata, pada peringkat yang luas, buku teks dapat menjadi wadah untuk menyampaikan hasrat kerajaan. Sejarah telah membuktikan bahawa perubahan falsafah atau dasar negara sentiasa diikuti dengan penggubalan sukatan pelajaran dan seterusnya buku teks yang baru. Umpamanya dari Kurikulum Lama ke Kurikulum Baru Sekolah Rendah/Menengah dan dan terkini ke Kurikulum Sekolah Bestari pula.

Selain daripada menambahkan pengetahuan tentang sesuatu tajuk/bidang, khususnya kepada guru yang baru menceburi bidang pendidikan, buku teks juga merupakan alat bantu mengajar yang murah dan mudah digunakan. Justeru itu, buku teks telah dijadikan sebagai bahan rujukan utama semasa membuat perancangan sesuatu pengajaran. Sehubungan dengan hal ini Saedah Siraj (1990) berpendapat bahawa buku teks dapat membantu guru melalui panduan kandungan tentang apa yang hendak diajar. Malahan,The encyclopedia Americana mencatatkan, "... the textbook materials provided the content of the course and even controlled the teaching schedule for the year ..."(1994 :563) Catatan ini menunjukkan betapa kuatnya pengaruh buku teks dalam proses pengajaran seseorang guru. Selain menggunakan sukatan pelajaran sebagai panduan, pihak guru juga banyak menggunakan buku teks semasa membuat perancangan pengajaran mereka.

Sekiranya sumber buku teks merupakan sumber rujukan dan bahan pengajaran yang utama kepada pihak guru,bagi pihak pelajar pula,buku teks adalah pemelajaran utama yang menentukan kejayaan mereka. Menurut Garinger (2001), buku teks "... has significant impact on the ability of students to meet their language leaning objectives and affects both the process of how they learn and the outcomes ..."(hlm 1). Pandangan ini menunjukkan kesan buku teks terhadap cara seseorang pelajar itu belajar dan juga terhadap hasil pemelajarannya. Tambahan pula, dapatan kajian lalu telah membuktikan adanya kesan yang positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik pelajar (Abd Rahman Md Aroff dan Abd Aziz Zakaria, 1989 ; Zulkifli Manaf et al., 1995 ; dan Abd Majid Mohd Isa et al. 1999)

Lebih jauh lagi buku teks juga menurut Zulkifli Manaf dan rakan – rakanya (1995) dapat membantu pelajar yang berdikari (hlm .3) Menurut mereka lagi buku teks juga dapat membantu ibu bapa yang celik huruf memantau kemajuan akademik anak – anak mereka. Pandangan yang sama juga telah disedari oleh Isahak Haron seawal 1977 lagi . menurut Isahak, buku teks merupakan "... satu proksi tentang motivasi keluarga terhadap pendidikan anak – anak mereka ...."(1977 : 4) Ini membuktikan bahawa selain bahawa selain digunakan di sekolah – sekolah sebagai bahan pengajaran dan pembelajaran, buku teks juga digunakan oleh ibubapa bagi membantu meningkatkan prestasi anak – anak mereka dalam pembelajaran.

Sebagai rumusan dapat dikatakan bahawa buku teks ini bukan sahaja penting kepada pihak pelajar malah buku teks juga adalah penting untuk guru serta ibubapa. Memandangkan peranan penting yang dimainkan oleh buku teks dalam mana – mana

sistem pendidikan pelbagai andaian dan pandangan telah dikemukakan tentang ciri – ciri buku teks yang baik.

Ciri – Ciri Buku Teks yang Bemutu

Sorotan terhadap penulisan di barat dan kajian – kajian tempatan mempamerkan pandangan yang agak luas dalam membicarakan soal kriteria pemilihan buku teks. Kelainan pendapat ini terjadi kerana berlainan pengkaji maka lainlah pula penekanannya. Walaupun begitu ramai pengkaji (Deighton (1971),Guy dan Wilson (1971) Cheok Teng Se (1994) Hewit dan Whittier(1998) Garinger (2001) dan Krug, (2002) yang memilih kandungan sebagai kriteria utama mereka.

Deighton (1971) contohnya telah membincangkan tentang aspek kandungan ini dengan panjang lebar. Sesusatu kandungan itu menurut beliau sebaiknya diperkenalkan daripada yang mudah kepada yang rumit,daripada yang *maujud* kepada yang *mujarad*,istilah baru diberikan takrifan dan pengertian,manakala konsep pula diperkembangkan dan digunakan dalam pelbagai konteks,ilutrasi digunakan untuk penjelasan dan ulangan serta andaian dikemukakan sebelum bahan baru diperkenalkan. Guy dan Wilson (1971) telah menokok tambah faktor ini dengan menyatakan bahawa "... the text must be lively. Is it amusing? Is it relevant to modern life ? Will it interest your student and make then want to talk about it ?" (hlm. 91) Dengan kata lain kandungan yang baik menurut Guy dan Wilson mestilah hidup, menyeronokkan, berkait dengan kehidupan seharian dan dapat meransang minat pelajar untuk membicarakannya.

Tidak ketinggalan juga faktor '*kedalaman*' isi atau kandungan. Berhubung dengan soal ini,Harley (1994) menyatakan bahawa faktor utama yang perlu dilihat ialah sama ada sesuatu buku itu memenuhi objektif pengajaran dan pembelajaran. Kedua, menurutnya ialah "... is there sufficient depth and breath of materials. And lastly,will it need to be supplemented..."Faktor kecukupan atau kedalaman fakta ini sememangnya penting. Fakta yang dihuraikan dengan bahasa yang sukar difahami boleh mengakibatkan buku tersebut tidak digemari oleh pembacanya. Sebab inilah agaknya Ahmad Jusoh (1998) berpandangan bahawa,

> Buku teks yang baik adalah buku teks yang dapat memberi ruang yang cukup selesa untuk gambar rajah, foto dan carta kerana dapat memberi penerangan yang lebih lanjut tentang sesuatu konsep, gagasan dan hujah supaya dapat menarik minat pelajar untuk mempelajarinya (hlm. 3)

Sesungguhnya faktor ilutrasi ini sememangnya penting kerana ia dapat menarik perhatian pembaca di samping mudah difahami. Malahan Rubin (1993) berpendapat bahawa "... a picture is usually worth a thousand words ..." (hlm. 155) Pendek kata sebuah gambar dapat menjelaskan sesuatu fakta atau konsep yang mungkin perlu dihuraikan dengan panjang lebar.

Selain faktor gaya persembahan yang menyeronokkan, kedalaman fakta dan cara fakta dihurai, faktor kaitan kandungan dengan kebudayaan atau kelaziman setempat juga di ambil kira dalam menilai sama ada sesuatu buku teks itu baik atau tidak baik. Menurut Hewit dan Whittier (1997), "... Content must not only be kept current and relevant but connected to cultural and normative issues..."(hlm 205). Dalam konteks negara Malaysia yang terdiri daripada pelbagai bangsa dan kaum,faktor kesesuaian

buku teks dengan kepelbagaian budaya negara ini sememangnya perlu dipertimbangkan semasa penulis menulis buku.

Ketidakpekaan penulis terhadap faktor kepelbagaian budaya mungkin boleh menimbulkan rasa tidak senang kaum tertentu di negara ini. Malahan seawal tahun 1953 lagi Gopinathan telah mencatatkan. "... textbook at one level,carry the intrinsic values and the historical mirror in which the nation wishes to see itself reflected..."(hlm.345). Ringkasnya selain daripada menambahkan ilmu pengetahuan kepada pembacanya buku teks juga boleh mempengaruhi pembentukan sifat, sikap, nilai,dan sahsiah pelajar. Faktor ini juga telah mendorong sesetengah pengkaji seperti Saedah Siraj (1990) membuat kajian tentang unsur – unsur jantina di dalam buku teks Bahasa Melayu murid – murid sekolah rendah.

Semasa menulis kandungan sesuatu buku,penulis juga diminta mengambil kira faktor kepelbagaian gaya pembelajaran pelajar. Dalam hal ini Hewit dan Whittier (1997) berpendapat bahawa "...As with teaching methods, educators must take into account the many characteristics of leaners and the nature of the content to be taught when choosing which materials to use ..." (hlm.203) Justeru itu Hewit dan Whittier telah mencadangkan penggunaan pendekatan pelbagai deria kepada penulis semasa memilih aktiviti – aktiviti yang hendak dimasukkan ke dalam kandungan sesuatu teks. Untuk deria pendengaran umpamanya aktiviti memberi arahan dan perbincangan telah disarankan. Bagi deria penglihatan mereka mencadangkan aktiviti tunjukcara dan memodelkan apa yang hendak diajar, menyurih, membina dan menulis untuk deria rasa; aktiviti simulasi, main peranan, tarian atau lakonan untuk deria kinestetik. Cadangan Hewit dan Whittier ini sebenarnya menepati konsep kepelbagaian

kecerdasan yang pernah dikemukakan oleh Gardner (1990). Konsep kepelbagaian kecerdasan ini sememangnya sedang dititikberatkan dalam sistem pendidikan di negara kita pada masa ini.

Sebagaimana yang telah dinyatakan pada awal perbincangan tadi, pendapat tentang ciri – ciri buku teks yang baik ini adalah berbeza daripada seorang penulis kepada seorang penulis yang lain mengikut sudut pandangan masing-masing . Cunningworth (1986) yang melihat buku teks dari sudut psikologi berpendapat bahawa. "... Other point that we should look for in teaching materials are variety and pace, attractive appearance and feel, activities leading to personal involment and self- investment in the leaning process and activities with competitive or problem – solving element..." (hlm.59) Ini menunjukkan bahawa selain kandungan, aspek – aspek fizikal sesebuah buku seperti saiz huruf, bentuk cetakan, susunan ini atau fakta, warna, ilutrasi dan gambar- gambar yang menarik juga diberikan perhatian yang sewajarnya.

Garinger (2001) yang melihat buku teks dari disiplin bahasa pula menilai buku teks yang baik sebagai "... the book must provide student with language and tasks that are authentic and effective in enchencing communicative competent". Tidak seperti penulis-penulis yang lain. Garinger menekankan aspek keaslian bahan dan keberkesananya dalam meningkatkan kecekapan berkomunikasi seseorang pelajar. Ini adalah kerana beliau melihat buku teks dari sudut pandangan bahasa. Lantaran itu kandungan sesuatu buku menurutnya perlu merangkumi kemahiran dan latihan yang sesuai dipersembahkan dengan jelas dan mesra pengguna.

Tidak kurang pentingnya dalam membincangkan tentang buku teks ini ialah faktor kos atau harga. Menurut Eble (1988),

> Cost do not make a very lofty beginning for a discussion of textbook . Still cost are a chronic as well as a current reality of instruction . If students are not buying all the assigned texts, then some thought should be given to arriving at better expedients. Costs, for example may rule against opting for a collection of paper backs over a comprehensive and up-todate text or authority. Cost may force a teacher into greater use of the reserve reading room. Cost may even foster more exhange of book among students, with the faculty encouraging such exchange. Cost should certainly make a faculty member wary of assigning texts that are rarely put to use in cless. And cost should make a teacher even more sensitive to lecturing that merely repeats the text (hlm 126)

Harga buku yang mahal bukan sahaja boleh menyebabkan pelajar mencari pilihan yang lain,malah akan menyebabkan guru terpaksa menggunakan kaedah syarahan yang hanya mengulangi apa yang ditulis dalam sesebuah bukuteks. Dalam konteks negara kita soal harga buku ini juga telah menimbulkan masalah keciciran pelajar miskin pada suatu masa dahulu dan seterusnya menyebabkan kerajaan mewujudkan Skim Pinjaman Buku Teks (SPBT)

Seperti penulisan barat,pengkaji – pengkaji di Malaysia juga mempunyai penekanan yang berbeza semasa membincangkan soal ciri – ciri buku teks ini berdasarkan sudut pandangan masing - masing dan bidang kajian yang diterokai. Saedah Siraj (1990) telah memilih isu jantina dalam kajianya manakala Ong Saw Lan (1985) , Jamilah Ahmad (1991) Halijah Haron (1991) telah menokok tambah faktor keboleh bacaan sesuatu kandungan teks di samping faktor latihan dan aktiviti pengukuhan dan aspek-aspek fizikal. Ini adalah kerana tajuk kajian mereka melibatkan tahap kebolehbacaan buku teks fizik Ong Saw Lan (1985)Bahasa Melayu,Jamilah Ahmad(1991) Ahmad

Jusoh (1998) yang memilih buku Pendidikan Islam pula telah memilih ilutrasi sebagai kayu ukur yang baik atau kurang baik.

Menyedari tentang pentingnya buku teks ini dalam sistem pendidikan Malaysia, kerajaan Malaysia melalui Kementerian Pendidikan Malaysia telah mengeluarkan surat pekeliling yang bertarikh 18 Ogos 1987 kepada Bahagian Buku Teks. Antara lain surat pekeliling K.B.BT.8495/AB / Jld.II(1) mencatatkan ,"... sekolah – sekolah hendaklah memilih buku teks bagi mata pelajaran yang diajar sahaja. Perkara - perkara penting yang perlu diambil kira ketika membuat pemilihan buku teks adalah seperti isi kandungan,grafik,latihan dan pengajaran pemelajaran bagi peringkat murid yang dituju," hlm.4 para 6) . Nampaknya seawal tahun 1980-an lagi Malaysia telah menetapkan ciri – ciri buku teks yang sesuai digunakan di sekolah. Pihak guru diminta mengambil kira faktor kandungan,ilutrasi,latihan serta aktiviti pengajaran dan pemelajaran semasa membuat penilaian dan memilih sesuatu buku .

Sebagai kesimpulannya dapat dikatakan bahawa antara kriteria yang digunakan untuk menentukan sama ada buku teks itu baik atau tidak ialah faktor isi kandungan, persembahan, aspek fizikal, ilutrasi, latihan dan aktiviti,penerapan nilai, sensitiviti atau kepekaan,bahasa dan tahap kebolehbacaan.

Kajian Penggunaan Buku Teks di Malaysia

Walaupun dapatan kajian – kajian lampau menunjukkan adanya kesan positif antara penggunaan buku teks dengan pencapaian akademik pelajar (Abd Rahman Md Aroff

dan Abd Aziz Zakaria (1989) Zukifli Manaf et. al. (1995) dan Abd Majid Mohd Isa et al.(1999), namun begitu ada juga kajian – kajian yang menunjukkan bahawa tidak semua buku – buku teks yang dikaji memiliki ciri – ciri buku teks seperti yang dibincangkan dan ini termasuklah buku – buku Skim Pinjaman Buku teks (SPBT) yang telah diluluskan oleh pihak Bahagian Buku Teks. Dapatan kajian Ong Saw Lan (1985) dan Jamilah Ahmad (1991) misalnya menunjukkan bahawa buku – buku teks yang mereka teliti tidak menepati tahap kebolehbacaan pelajar.

Ong Saw Lan (1985) yang menilai tahap kebolehbacaan dua buah buku fizik Tingkatan 4 dan 5 di sebuah sekolah luar bandar mendapati bahawa tahap kebolehbacaan buku – buku tersebut adalah rendah dan berada ditahap yang mengecewakan. Jamilah Ahmad (1991) pula yang meneliti tahap kebolehbacaan buku teks bahasa Malaysia Tingkatan 1 di 20 buah sekolah menengah di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Negeri Sembilan mendapati bahawa tahap kebolebacaan buku-buku tersebut tidak memenuhi keperluan pelajar yang berpencapaian tinggi tetapi hanya sesuai untuk pelajar - pelajar yang berpencapaian sederhana.

Dalam kajian yang lain, Saedah Siraj (1990) yang mengkaji unsur - unsur jantina yang terdapat dalam buku Bahasa Melayu Tahun 2 –6 dengan menggunakan kaedah analisis kandungan mendapati bahawa buku - buku teks Bahasa Melayu yang dikaji itu tidak mengambarkan perubahan peranan dan status wanita di Malaysia pada masa itu. Menurut beliau, gambaran tentang wanita ini masih lagi *streotaip* dan dikatakan berat sebelah. Watak – watak wanita dalam buku – buku tersebut masih lagi digambarkan secara negatif misalnya sebagai pembantu atau pekerja kelas dua.

Menyentuh soal kandungan pula, Kartini Baharun (1991) yang meninjau enam judul buku teks Geografi Tingkatan 1 dengan menggunakan kaedah '*survey*' mendapati bahawa cara konsep dan fakta geografi dikembangkan dengan cara yang sukar difahami pelajar. Begitulah juga dengan dapatan kajian Ahmad Jusoh (1998). Kajian beliau membuktikan bahawa isi pelajaran buku teks Pendidikan Islam Tingkatan 1-3 lebih banyak menggunakan penerangan daripada grafik. Justeru pelajar terutamanya dari Tingkatan 1 kurang berminat untuk membacanya.

Dalam kajian yang lain pula,Cheok Teng Se (1994) yang menilai kandungan, persembahan, ilutrasi dan bahasa buku teks Sains Tingkatan 1 yang digunakan di kawasan bandar dan luar bandar di Negeri Sembilan,Wilayah Persekutuan, Selangor dan Pahang, mendapati bahawa aspek – aspek ini hanya berada ditahap baik sahaja.Lantas Cheok Teng Se menyimpulkan bahawa semua buku teks Sains KBSM Tingkatan 1 berada pada tahap sederhana sahaja.

Kelemahan – kelemahan ini mungkin menjadi penyebab mengapa ada sesetengah buku teks SPBT yang tidak langsung dugunakan untuk tujuan ulangkaji (Abd Majid Mohd et al., 1998) Tinjauan yang dilaksanakan oleh Bahagian Buku Teks (1992) terhadap buku teks Bahasa Melayu Tingkatan 2 yang diterbitkan oleh 6 buah syarikat menunjukkan bahawa walaupun buku – buku tersebut kerap digunakan dalam hampir setiap waktu pengajaran, namun sebagai latihan dan kerja rumah,buku -buku tersebut sangat jarang atau tidak pernah langsung digunakan. Antara buku – buku ini adalah buku Bahasa Inggeris, Bahasa Melayu, Pendidikan Moral dan Pendidikan Islam .

Buku Teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan Satu

Buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 ini telah mula digunakan pada tahun 1991 dan digubal huraian sukatannya pada tahun 2000. Kurikulum ini telah disemak semula untuk dilaksanakan di sekolah –sekolah pada tahun 2003. Perubahan atau *Semakan Semula* kepada Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran telah dilaksanakan oleh JAPIM atas arahan kabinet, maka buku teks yang baru perlu disediakan sejajar dengan hasil semakan kurikulum KBSM ini. Perubahan yang ketara dalam kurikulum baru KBSM, ialah aspek pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menekankan pendekatan komunikatif dengan mengambil kira tahap intelektual pelajar yang berbeza.

Bahagian Buku Teks pula adalah pihak yang dipertanggungjawabkan untuk menyediakan dan menerbitkan buku teks Bahasa Arab Komunikasi yang dimulai dengan BAK Tingkatan Satu yang berkualiti sejajar dengan kehendak Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran semakan semula serta keperluan semasa. Secara umumnya penerbitan buku teks Bahasa Arab BAK akan dilaksanakan bagi BAK Tingkatan 1 dan 4 pada tahun 2003, Tingkatan 2 dan Tingkatan 5 tahun 2004 dan bagi Tingkatan 3 pula tahun 2005.

Buku teks ini telah disemak semula sepertimana dijelaskan dalam Sukatan Pelajaran Bahasa Arab Komunikasi KBSM 2002 dengan tujuan :

> .... bagi membolehkan pelajar menguasai kemahiran – kemahiran bahasa iaitu mendengar, bertutur, membaca dan menulis dengan memberi perhatian kepada kemahiran bertutur, menguasai perbendaharaan kata dan meningkatkan kepekaan mereka bagi

> menggunakannya dengan tepat serta meningkatkan penghayatan akhlak mulia dan nilai – nilai murni. (hlm 3)

Selaras dengan hasrat untuk meningkatkan kemahiran berbahasa di kalangan pelajar maka Kementerian Pendidikan malalui Jabatan Pendidikan Islam Dan Moral telah memperkenalkan perkara baru dalam kandungan buku teks tersebut. Antara perkara baru tersebut ialah kandungannya mengandungi perkara – perkara asas dalam kemahiran bahasa seperti tatabahasa, nizam sauti, al- hikam, konsep kemahiran bahasa sepadu antara empat kemahiran.

Persembahan yang di dapati dalam buku teks ini juga mempunyai hiwar pendek dan bacaan luas serta menggalakkan pelajar melalui permainan bahasa dan mencari perkataan yang tersembunyi. Perubahan ini dipersetujui oleh beberapa orang pelajar, Noralia Ahmad, Normaziah Ibrahim dan Mohd Hasbullah dari SMK Mahmud yang bersetuju mengatakan persembahan buku tek tersebut dapat menarik minat pelajar untuk menggunakannya dengan lebih kerap.

Manakala aktiviti dan latihan pula dipelbagaikan untuk memperkukuhkan kemahiran berbahasa seperti yang dinyatakan dalam HSP dan SP (2002). Latihan yang di buat pada akhir bab adalah sebagai soalan ulangkaji adalah untuk menilai penguasaan murid terhadap bab yang dipelajari. Bahan grafik yang terdapat dalam buku BAK Tingkatan Satu pula adalah gabungan foto dengan mempunyai 64 halaman berwarna dan 160 halaman hitam putih. Perkara baru lain yang diperkenalkan ialah bahan sisipan/penyendal juga dapat memberikan maklumat tambahan kepada pelajar serta dapat membantu pelajar memahami teks dengan lebih mendalam. Menurut Ahmad

Nabil dari SM Sains Tg AbdullahRaub, bahan sisipan ini banyak membantu beliau untuk memahami teks berbanding untuk mencari perkataan dalam kamus.

Terdapat perbezaan yang ketara di antara buku teks yang telah digunakan berbanding buku teks BAK yang baru sama ada dari sudut kandungan,persembahan,aktivitidan latihan,grafiktermasuk teknikal. Kandungan bukubaru ini juga menepati dan memenuhi hasrat SP dan HSP yang telah disemak semulaAnalisis perbandingan buku teks baru ini dengan buku teks sebelumnya dapat dilihat dalam jadual 3.1 berikut :

ASPEK	BUKU TEKS KEGUNAAN 2003	BUKU TEKS SEBELUM 2003
Kandungan	-Berdasarkan SP dan HSP yang telah disemak semula pada tahun 2000.	-Berdasarkan SP dan HSP yang digubal tahun 1992
	-Organisasi isi kandungan/bidang pembelajaran dalam buku dinyatakan dengan jelas	-Agak kurang teratur
	-14 tajuk nahu/tatabahasa dimasukkan	-Tiada tajuk nahu tertentu, pengajaran secara tidak langsung
	-Teks utama dan teks bacaan luas di sediakan	-Teks bacaan luas tidak disediakan
	-6 perumpamaan dan kata- kata hikmah dapat dipelajari	-Tiada
	-Khat nasakh perlu dipelajari	-Tidak ditentukan
Persembahan	-Tajuk bagi setiap unit adalah berbentuk interaksi	-Tajuk benbentuk mendatar dan merupakan ayat penyata
	-Bentuk persembahan yang mesra pengguna, contohnya penggunaan ikon untuk memperkenalkan ciri-ciri tertentu	-Tiada penggunaan ikon

	-Penggunaan penyendal untuk membantu pelajar memahami pelajaran dan juga memberi maklumat tambahan, contohnya akronim/kamus bergambar	- Tiada penggunaan penyendal
Aktiviti	-Bentuk latihan pelbagai sesuai dengan 3 aras pelajar -Latihan formatif disediakan pada akhir setiap unit beserta ruang markah untuk pelajar -Aktiviti berpusatkan pelajar -Bentuk latihan yang menarik seperti teka silangkata dan permainan bahasa -Latihan menulis khat	-Tiada aras ditentukan -Tiada latihan di akhir unit tetapi latihan disediakan sepanjang unit/pelajaran -Agak panjang -Bentuk latihan agak streotaip - Tiada
Grafik	-Grafik meliputi ilutrasi mudah,sederhana dan foto -4 kuras berwarna/64 halaman -Konsep'design' yang moden - Penggunaan ICT digalakkan	-Hampir keseluruhan grafik berbentuk ilutrasi mudah -Hanya 21 halaman berwarna -Konsep ringkas -Tiada
Teknikal	-Disediakan dalam bentuk lajur 2:1 -Bilangan halaman adalah 224 muka surat	-Disediakan dalam bentuk satu lajur -Bilangan halaman keseluruhan 248 muka surat

Jadual 3.1 : Analisis Perbandingan Buku Teks BAK Tingkatan Satu Kegunaan 2003 dengan Buku Teks sebelumnya

Kesimpulan

Berdasarkan perbincangan tadi dapat dirumuskan bahawa buku teks masih relevan sebagai bahan untuk utama rujukan utama dalam pemelajaran di sekolah. Namun beberapa kekurangan dan kelemahan yang dikesan dalam beberapa kajian yang lampau perlu diambil perhatian serius dan untuk membolehkan tindakan penambahsuaian di atasi segera.

Kementerian Pendidikan telah mengorak langkah dengan mengubah dasar pendidikannya selari dengan perkembangan dunia teknologi maklumat dan komunikasi pada masa ini. Oleh itu perubahan telah dilakukan dengan mengubah Sukatan Pelajaran dan Huraian Sukatan Pelajaran dan memerlukan perubahan buku teks kerana pada dasarnya buku teks adalah dokumentasi yang menterjemahkan dasar-dasar kerajaan melalui Sukatan Pelajaran ini. Justeru kerana itu mulai 2003, semua sekolah di Malaysia diarahkan menggunakan Sukatan Pelajaran yang baru. Perubahan sukatan pelajaran ini juga turut melibatkan rombakan buku teks bagi mata pelajaran Bahasa Melayu,Bahasa Inggeris,Matematik,Sains,Sejarah, Pendidikan Islam, Bahasa Arab, Pendidikan Moral, Pendidikan Jasmani dan Kesihatan, Lukisan Kejuruteraan dan lain – lain lagi.

Oleh itu kajian terhadap penggunaan buku teks Bahasa Arab Komunikasi Tingkatan 1 melalui edisi semakan ini dirasakan amat perlu untuk mengukur sejauhmanakah keberkesannya bagi perbandingan efisiensi buku teks dalam dua era tersebut setelah banyak tenaga dan wang ringgit dibelanjakan kearah perubahan tersebut. Dengan ini diharap pengkaji akan mendapat menyumbangkan sesuatu terhadap perkembangan ini.